



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**

**DIKELUARKAN PADA: 04 OKTOBER 2015 (AHAD)**

**STATUS KUALITI UDARA**

Pada 4 Oktober 2015 (Ahad), bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam **7.00 pagi** menunjukkan 7 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 13 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, **24 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat' (IPU melebihi 100) dan 7 kawasan mencatatkan bacaan IPU 'sangat tidak sihat' (IPU melebihi 200).** Kawasan-kawasan tersebut adalah seperti berikut:-

1.	Shah Alam, SELANGOR	IPU 287
2.	Batu Muda, W. PERSEKUTUAN	IPU 284
3.	Petaling Jaya, SELANGOR	IPU 240
4.	Banting, SELANGOR	IPU 237
5.	Putrajaya, W. PERSEKUTUAN	IPU 228
6.	Pelabuhan Kelang, SELANGOR	IPU 224
7.	Seremban, NEGERI SEMBILAN	IPU 202
8.	Nilai, NEGERI SEMBILAN	IPU 197
9.	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	IPU 190
10.	Cheras, W. PERSEKUTUAN	IPU 180

11.	Bukit Rambai, MELAKA	IPU 178
12.	Bandaraya, MELAKA	IPU 173
13.	Jalan Pegoh, Ipoh, PERAK	IPU 167
14.	Kuala Selangor, SELANGOR	IPU 165
15.	Seberang Jaya, P. PENANG	IPU 159
16.	USM, P. PINANG	IPU 156
17.	Jalan Tasek, Ipoh, PERAK	IPU 150
18.	Muar, JOHOR	IPU 146
19.	Sungai Petani, KEDAH	IPU 146
20.	Kemaman, TERENGGANU	IPU 142
21.	Alor Setar, KEDAH	IPU 139
22.	Jerantut, PAHANG	IPU 138
23.	Taiping, PERAK	IPU 138
24.	Kuantan, PAHANG	IPU 135
25.	Perai, P. PINANG	IPU 134
26.	Paka, TERENGGANU	IPU 127
27.	Seri Manjung, PERAK	IPU 117
28.	Indera Mahkota, PAHANG	IPU 113
29.	Kuala Terengganau, TERANGGANU	IPU 110
30.	Johor Bahru, JOHOR	IPU 105
31.	Pasir Gudang, JOHOR	IPU 102

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' atau 'App Store'.

**Jerebu teruk menyelubungi sebahagian besar kawasan di Semenanjung Malaysia dengan bilangan kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat' dan 'sangat tidak sihat' meningkat secara mendadak berbanding pada pagi semalam, 3 Oktober 2015. Jerebu merentas sempadan dari Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih mempengaruhi status kualiti udara dalam negara. Kejadian ribut tropika (MUJIGAE) pada masa sekarang menyebabkan angin dari arah Barat Daya bertiup secara kekal dari kawasan-kawasan kebakaran di Indonesia dan taburan hujan juga dijangka berkurangan sepanjang tempoh ribut tropika ini terjadi.**

## **BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOT)**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 3 Oktober 2015, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 18* mengesan sebanyak 82 titik panas (hotspot) di Kalimantan, Indonesia dan sebanyak 32 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, Indonesia. Walau bagaimanapun, bilangan titik panas (hotspot) di Sumatera, Indonesia tidak dapat dikesan sepenuhnya berikutan cerapan satelit tidak menyeluruh dan terdapat litupan awan. Sementara itu, hanya 2 titik panas (hotspot) dikesan di dalam negara iaitu di negeri Sabah.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh *ASMC* pada 3 Oktober 2015 adalah seperti di **Rajah 1. Berdasarkan peta tersebut, asap jerebu tebal dan sederhana dari kawasan-kawasan kebakaran di Sumatera Tengah dan Selatan menyelubungi seluruh Semenanjung Malaysia manakala asap jerebu tebal dan sederhana daripada Kalimantan masih menyelubungi Barat Sarawak.**

## **RAMALAN CUACA UNTUK TEMPOH BEBERAPA JAM BERIKUTNYA**

**(Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia)**

Sistem bertekanan rendah yang terbentuk di Timur Filipina telah dinaiktarafkan kepada ribut tropika (MUJIGAE) dan dijangka membadai kepulauan Hainan, China pada awal pagi

5 Oktober 2015. Kehadiran ribut tropika ini akan mempengaruhi corak tiupan angin di kawasan serantau negara kita untuk beberapa hari dalam tempoh tinjauan. Taburan hujan juga dijangka berkurangan kerana kawasan serantau negara kita akan dipengaruhi oleh tiupan angin dari arah Barat Daya dengan kelajuan yang sederhana sahaja pada masa tersebut.

Selepas ribut tropika MUJIGAE mabadai kawasan daratan, tiupan angin Barat Daya yang mempengaruhi kawasan serantau negara kita akan menjadi lemah dan corak tiupan angin dijangka berubah kepada pelbagai hala dengan kelajuan yang lemah dan kawasan serantau negara kita dijangka kembali lembap dengan hujan dijangka berlaku di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung dan bahagian Barat Sarawak serta bahagian Pantai Barat di Sabah.

## **TINDAKAN-TINDAKAN DI PERINGKAT TEMPATAN**

Jabatan Alam Sekitar (JAS), NRE berterusan memantau rapi bacaan IPU di seluruh negara melalui 52 stesen pengawasan kualiti udaranya. Mekanisme tindak balas (*response mechanism*) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan** di mana tindakan-tindakan telah diambil oleh agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

- (i) Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat (JPBBP) mengenai pengendalian bencana jerebu pada 30 September 2015;
- (ii) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan penutupan semua sekolah di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka pada 28 September 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 27 September 2015. KPM telah mengumumkan bahawa semua sekolah di Melaka dan Johor ditutup pada 29 September 2015, manakala penutupan semua sekolah di Johor dilanjutkan sehingga 30 September 2015;

- (iii) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan penutupan semua sekolah di Bahagian Kuching, Bahagian Sri Aman dan Bahagian Samarahan, Sarawak pada 28 September 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 27 September 2015;
- (iv) Ketua Pengarah Alam Sekitar telah mengeluarkan Perintah Larangan Pembakaran Terbuka (PLPT) bagi seluruh negeri Johor pada 25 September 2015. Sementara itu, PLPT bagi negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang dikeluarkan semenjak bulan Mac 2014 sehingga kini masih berkuatkuasa. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring);
- (v) Satu Mesyuarat Khas Bagi Membincangkan Keadaan Jerebu Yang Melanda Negara telah diadakan dan dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 18 September 2015. Ia bertujuan memantau perkembangan terkini keadaan jerebu dan menyelaras tindakan-tindakan yang sedang dan telah diambil oleh agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu; dan
- (vi) Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) telah menjalankan operasi pembenihan awan pada 15 hingga 17 September 2015 sebagai tindakan untuk mengurangkan kesan jerebu di Semenanjung Malaysia dan negeri Sarawak. Operasi di negeri Sarawak diteruskan sehingga 23 September 2015.

### **TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA**

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 03 Oktober 2015, sebanyak 3,439 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (591 kes), kawasan pertanian (1193 kes), kawasan industri (19 kes), kawasan pembinaan (70 kes), tapak pelupusan sampah (94 kes), kawasan belukar (683 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (789). Bagi

tempoh yang sama, sebanyak 216 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 15 kes telah dikeluarkan Notis Arahan dan 41 kes telah dikeluarkan Surat Arahan. Selain itu, sebanyak 23 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah.

## **NASIHAT KEPADA ORANG AWAM**


Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja. Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Semasa keadaan berjerebu, orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengelakkan dari berada di luar rumah, mengurangkan aktiviti riadah luar dan sekiranya perlu berada di luar hendaklah memakai penutup hidung dan mulut (mask) serta mendapatkan nasihat kesihatan dengan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di alamat <http://www.infosihat.gov.my>.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**04 Oktober 2015**

PETA JEREBU SERANTAU, 3 OKTOBER 2015

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



**Regional Haze Update**

The smoke haze situation in Sumatra has deteriorated further today. Some haze has spread to the Strait of Malacca and the Malay Peninsula. Many parts of Borneo including the western part of Sarawak and Kalimantan remained shrouded in widespread smoke haze.

Updated 8:24 PM 3 Oct